

PENDIDIKAN SEBAGAI WAHANA PENENTANGAN: ANALISIS FEMINIS PASCAKOLONIAL DALAM *THE STILLBORN* DAN *MENCARI AZIZAH*

NAGESVARI PARAMASIVAN

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
shakti.nagesvari@usm.my

ABSTRAK

Dunia kontemporari yang sedang bersedia menghadapi Revolusi Industri 4.0, dengan kemunculan teknologi automasi dan inovasi digital, terus merancakkan perkembangan pendidikan moden. Perubahan ini turut membuka peluang pendidikan yang lebih seimbang antara lelaki dan wanita tanpa bias gender. Kajian ini meneliti peranan pendidikan sebagai wahana feminisme pascakolonial dalam memperkasakan wanita dan membentuk identiti mereka ketika berhadapan dengan struktur patriarki. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tema dan analisis kandungan terhadap dua teks terpilih iaitu *The Stillborn* karya Zaynab Alkali dan *Mencari Azizah* karya Khadijah Hashim. Kerangka teori feminisme pascakolonial Chandra Talpade Mohanty diaplikasikan, khususnya konsep “Wanita sebagai Kategori Analisis,” untuk meneliti bagaimana pendidikan berfungsi sebagai alat mendapatkan hak, autonomi, dan kebebasan wanita dalam konteks budaya setempat. Dapatan menunjukkan bahawa pendidikan bukan sahaja bertindak sebagai pemangkin pemeraksanaan intelektual dan ekonomi, tetapi juga menjadi strategi signifikan dalam menentang penindasan fizikal, psikologi dan emosi yang terikat dengan sistem kekeluargaan tradisional serta hierarki sosial patriarkal. Watak Li dan Azizah digambarkan sebagai wanita yang mencabar batasan gender melalui proses pendidikan yang memulihkan martabat dan identiti mereka. Kajian ini menyumbang kepada wacana feminisme pascakolonial dengan membentangkan karya kreatif wanita berasaskan nilai setempat yang menolak paradigma feminisme Barat yang bersifat universal. Pendidikan menjadi wahana pembebasan wanita yang berpaksikan nilai budaya dan realiti masyarakat setempat, seterusnya memperkaya perspektif global mengenai kebebasan bertindak dan autonomi wanita.

Kata kunci: pendidikan; pemeraksanaan; feminisme; gender; identiti; pascakolonial

EDUCATION AS RESISTANCE: POSTCOLONIAL FEMINIST READINGS OF *THE STILLBORN* AND *MENCARI AZIZAH*

ABSTRACT

The contemporary world, poised to embrace the Fourth Industrial Revolution with its emergence of automation technologies and digital innovation, continues to accelerate the advancement of modern education. These developments have opened up more equitable educational opportunities for both men and women, free from gender bias. This study examines the role of education as a vehicle of postcolonial feminism in empowering women and shaping their identities as they confront patriarchal structures. A qualitative approach is employed

through thematic analysis and content analysis of two selected texts: *The Stillborn* by Zaynab Alkali and *Mencari Azizah* by Khadijah Hashim. Chandra Talpade Mohanty's postcolonial feminist framework is applied, particularly the concept of "Women as a Category of Analysis," to explore how education functions as a tool for women to attain rights, autonomy, and freedom within their local cultural contexts. The findings indicate that education not only acts as a catalyst for intellectual and economic empowerment but also serves as a significant strategy in resisting physical, psychological, and emotional oppression rooted in traditional family systems and patriarchal social hierarchies. The characters Li and Azizah are portrayed as women who challenge gender boundaries through educational processes that restore their dignity and identity. This study contributes to postcolonial feminist discourse by foregrounding creative works by women rooted in local values, thereby challenging the universalizing tendencies of Western feminist paradigms. Education emerges as a liberating force grounded in cultural realities, enriching global perspectives on women's agency, autonomy, and freedom of action.

Keywords: education; empowerment; feminism; gender; identity; post colonialism

PENGENALAN

Malaysia dan Nigeria merupakan dua buah negara pascakolonial yang, meskipun terletak di benua berbeza, berkongsi pengalaman sejarah penjajahan Barat yang meninggalkan warisan sosial, ekonomi dan sistem pendidikan yang serupa. Kedatangan kuasa kolonial ke negara-negara Asia dan Afrika telah mengubah sistem pendidikan tradisional kepada sistem sekular moden. Pada peringkat awal, pentadbiran kolonial lebih memihak kepada golongan lelaki elit, manakala wanita terus diketepikan kerana struktur sosial patriarki serta tanggapan tradisional terhadap peranan mereka dalam keluarga dan masyarakat (Jayawardena, 2023). Walau bagaimanapun, reformasi pendidikan kolonial, meskipun berorientasikan kepentingan penjajah tetapi turut membuka ruang kepada pendidikan kanak-kanak perempuan, sekali gus mengubah landskap pendidikan moden di Nigeria dan Malaysia (Chiroma, 2025; Datta & Mukherjee, 2021). Selepas kemerdekaan, kedua-dua negara menjadikan pendidikan sebagai agenda utama pembinaan negara bangsa dan pemeraksanaan rakyat. Di Malaysia, dasar-dasar inklusif digubal untuk memperluas akses pendidikan, termasuk membuka ruang kepada wanita menceburi bidang akademik dan profesional, sekali gus mencabar stereotaip gender. Di Nigeria pula, pendidikan dijadikan alat penyatuan masyarakat berbilang etnik seperti Igbo, Yoruba dan Hausa-Fulani (Olowoniya, 2022), namun sistem sosial yang berasaskan puak masih mengekalkan budaya patriarkal, di samping cabaran kemiskinan dan diskriminasi gender.

Perkembangan ini menandakan detik penting dalam sejarah pendidikan wanita di dunia pascakolonial, apabila wanita mula berpeluang menilai kedudukan mereka dalam institusi keluarga dan masyarakat melalui akses kepada ilmu. Pendidikan menjadi wahana pembebasan, membolehkan mereka keluar daripada ruang domestik dan menyertai sektor sosial, ekonomi serta politik. Namun, meskipun dunia kini bergerak menuju Revolusi Industri 4.0, ketidaksamarataan pendidikan berasaskan gender masih berterusan di banyak negara pascakolonial (UNESCO, 2022). Kemajuan teknologi dan globalisasi (World Bank, 2021) tidak menjamin akses pendidikan yang seimbang, khususnya dalam konteks jurang sosioekonomi dan infrastruktur yang tidak setara. Realiti ketidaksamarataan pendidikan inilah yang menjadi asas analisis dalam *The Stillborn* dan *Mencari Azizah*, yang menampilkan

pendidikan sebagai wahana penentangan terhadap struktur patriarki dalam masyarakat pascakolonial. Fenomena jurang pendidikan yang dipengaruhi oleh faktor geografi, kelas sosial dan infrastruktur turut memperlihatkan bahawa pengalaman wanita di negara-negara pascakolonial tidak homogen. Kepelbagaian pengalaman ini menjelaskan bahawa suara wanita Dunia Ketiga tidak boleh disamaratakan melalui kerangka feminisme Barat, lalu mencetuskan kemunculan teori feminisme mandiri yang menuntut agar pengalaman wanita dianalisis berdasarkan konteks sejarah, budaya dan struktur sosial mereka sendiri.

Perkembangan teori feminisme mandiri ini bermula apabila cendekiawan wanita dari negara bekas tanah jajahan mula membongkar ketidakadilan dalam representasi wanita Dunia Ketiga oleh wacana feminis arus perdana Barat. Feminisme berteraskan “*non-Western ideology*” ini menegaskan keperluan memahami pengalaman wanita melalui konteks tempatan, sekali gus menuntut pengiktirafan terhadap identiti, jati diri dan sejarah perjuangan mereka. Di barisan hadapan gerakan intelektual ini ialah Chandra Talpade Mohanty melalui esei berpengaruhnya, *Under Western Eyes* (1984; disemak pada 2003). Mohanty mengkritik cara wacana feminis Barat membina imej “wanita Dunia Ketiga” secara homogen sebagai kelompok terpinggir dan tertindas, suatu konstruksi yang berdasarkan perspektif kolonial dan tidak mengambil kira perbezaan bangsa, kelas, agama, sejarah dan konteks geopolitik. Beliau berhujah bahawa generalisasi sebegini mengukuhkan hierarki kolonial pengetahuan dan akhirnya mendiamkan suara wanita dari Asia, Afrika dan Amerika Latin. Justeru, Mohanty menyeru kepada pembinaan solidariti feminis transnasional yang peka terhadap kepelbagaian pengalaman hidup wanita di negara pascakolonial. Seiring pandangan ini, Mishra (2013) turut menegaskan bahawa pengalaman wanita Barat dan wanita pascakolonial berbeza secara signifikan dari aspek ekonomi, pendidikan, struktur sosial, agama dan peranan keluarga. Maka, analisis feminisme terhadap wanita Dunia Ketiga memerlukan kerangka yang kontekstual dan tidak dipaksakan melalui lensa pengalaman Barat.

Pendekatan feminisme pascakolonial muncul sebagai respons kritikal terhadap kerangka feminisme Barat awal seperti yang dikemukakan oleh Millett (1970) dan Firestone (1970), yang menumpukan perhatian kepada kawalan reproduktif dan fungsi biologi sebagai asas pembentukan sistem patriarkal. Perkembangan epistemologi feminis sejak 1980-an, sebagaimana yang dihujahkan oleh sarjana seperti Nancy Hartsock, Dorothy Smith dan Sandra Harding (Weedon, 1987), telah memperluas horizon feminisme dengan memperkenalkan pelbagai cabang baharu, termasuk feminisme pasca moden, neo-feminisme, eko-feminisme, dan *transfeminism*. Dalam kerangka ini, feminisme pascakolonial mengkritik hegemoni *eurocentrism* dalam wacana feminisme arus perdana dan menekankan keperluan membebaskan wacana feminisme daripada hegemoni kolonial agar lebih inklusif dan representatif. Sarjana berpengaruh dari Asia, Timur Tengah, Amerika Latin dan Afrika seperti Chandra Talpade Mohanty, Gayatri Spivak, Kumari Jayawardena, Kamla Bhasin, Nighat Said Khan, Flora Nwapa, Nawal El Saadawi, Isolabel Letelier dan Achola Pala telah secara konsisten mencabar keterbatasan feminisme Barat dalam menangani kompleksiti pengalaman wanita dalam masyarakat pascakolonial. Wacana ini seterusnya mengukuhkan keperluan pendekatan feminisme yang lebih multidimensi, persilangan identiti dan berpaksikan konteks tempatan, sekali gus merombak dominasi epistemologi Barat dan memperkayakan landskap kajian feminisme kontemporari.

Dalam kajian sastera ini, kedudukan wanita di negara-negara pascakolonial dapat dilihat melalui dua karya penting iaitu *Mencari Azizah* oleh Khadijah Hashim dan *The Stillborn* oleh Zaynab Alkali. Kedua-dua pengarang mengangkat pendidikan sebagai alat pemerksaan

wanita dari segi sosial, ekonomi dan politik. Melalui lensa feminisme pascakolonial, kedua-dua karya ini menegaskan bahawa pendidikan bukan sahaja berperanan sebagai alat perubahan sosial, tetapi juga sebagai medium penilaian semula tuntutan tradisi dan proses penstrukturan semula peranan wanita dalam masyarakat yang sedang membangun. Sumbangan utama kajian ini terletak pada analisis perbandingan terhadap pengalaman wanita Nigeria dan Malaysia, satu wacana silang budaya yang masih kurang diterokai dalam kajian feminisme pascakolonial di Asia Tenggara. Walaupun teori Mohanty telah diaplikasikan secara meluas dalam kajian berkaitan sastera Afrika, Asia Selatan dan Amerika Latin, penggunaannya dalam mengkaji sastera Asia Tenggara, khususnya dalam perbandingan dengan karya Afrika Barat, masih jarang berlaku. Dengan meletakkan *The Stillborn* dan *Mencari Azizah* dalam dialog perbandingan, kajian ini meluaskan skop wacana feminisme pascakolonial dan mengisi kelompangan penyelidikan sedia ada. Kajian ini menawarkan pembacaan yang bersifat peka konteks, bebas daripada kerangka *eurocentric*, serta menonjolkan persilangan antara gender, pendidikan dan identiti budaya, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang pemikiran feminisme global.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pelbagai kajian telah dijalankan berasaskan wanita dan pendidikan di Malaysia dan Nigeria. Namun kajian ini unik kerana membuka ruang perbandingan sastera dengan tema pendidikan dari negara Nigeria dan Malaysia. Hubungan antara pendidikan, gender dan identiti pascakolonial kekal menjadi tumpuan utama dalam analisis sastera feminisme, khususnya dalam kajian yang mengkaji masyarakat bukan Barat termasuklah Malaysia dan Nigeria. Sebahagian besar penyelidikan terdahulu mengenai novel *The Stillborn* karya Zaynab Alkali menumpukan pada penggambaran norma budaya Hausa dan peranan gender, yang sering dianalisis dalam konteks wacana feminisme Afrika yang lebih luas (Ismail, 2006; Nfah-Abbenyi, 1997). Kajian mutakhir pula lebih memberi perhatian kepada hubungan antara pendidikan, pembangunan wanita dan sistem sosial dalam konteks komuniti Afrika. Misalnya, Omoyibo, Egharevba dan Iyanda (2010), menegaskan bahawa pendidikan merupakan faktor utama yang mendorong pemeraksanaan wanita luar bandar di Nigeria, terutamanya dalam meningkatkan mobiliti sosial dan kemampuan membuat keputusan. Selain itu, kajian oleh Chimezie (2025) menunjukkan bahawa pendidikan untuk kaum wanita di Nigeria berperanan penting dalam proses transformasi sosial, khususnya dalam mencabar norma budaya yang mengehadkan peranan wanita.

Kajian terdahulu terhadap novel *The Still Born* banyak ditafsirkan melalui lensa feminisme Barat, kebanyakan analisis masih belum menggunakan kritikan Mohanty terhadap andaian *eurocentric* mengenai wanita dari negara-negara pascakolonial. Kajian terkini yang dijalankan oleh Jegede dan Jegede (2024) menggunakan pendekatan dekonstruksi Derrida untuk menganalisis makna tersembunyi di sebalik patriarki, manakala Mbutakto dan Tikikus (2023) menggunakan kritikan marksisme untuk menonjolkan kekuatan wanita muslim dalam perjuangan mendapatkan hak pendidikan dan kebebasan di Nigeria. Philip (2020), pula membandingkan karya Alkali dan Fatima Ba'ara, menunjukkan bahawa Alkali generasi pertama lebih cenderung kepada *womanist* yang menekankan perpaduan keluarga, sementara Ba'ara digambarkan lebih radikal dalam menuntut hak wanita. Sementara itu, Amase, Tsavmbu dan Kaan (2014) menolak pelabelan Alkali sebagai penulis feminis semata-mata, dengan menegaskan bahawa *The Stillborn* turut membicarakan isu sosial dan budaya lebih luas seperti

konflik antara tradisi dan modenisasi, kemiskinan bandar serta keterbatasan peluang pendidikan.

Berbanding dengan Alkali, kajian mengenai *Mencari Azizah* karya Khadijah Hashim masih terhad dalam ruang lingkup kritikan sastera Malaysia dan jarang diintegrasikan dalam kajian feminisme transnasional atau perbandingan pascakolonial. Walaupun *Mencari Azizah* kurang dikaji secara meluas dalam kritikan feminis antarabangsa, karya ini telah mendapat perhatian dalam kalangan sarjana sastera Malaysia kerana penggambaran wanita Melayu yang mengemudi cabaran kelas sosial, agama dan tuntutan masyarakat. Namun, kebanyakan analisis yang wujud bersifat deskriptif, menumpukan pada perkembangan watak atau isu tematik tanpa penerapan kerangka teori yang mapan. Misalnya, Masrizayu Mustafa (2006) meneliti pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim melalui pendekatan sosiologi sastera, dengan memberi tumpuan kepada aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik, termasuk kedudukan wanita, pendidikan dan kebebasan. Walaupun begitu, kajian ini tidak mengaplikasikan teori feminisme pascakolonial secara mendalam. Tesis Sinawati Zian (2023) pula menganalisis aspek pemikiran pendidikan, kerjaya dan pasangan hidup dalam karya Khadijah Hashim dan N.H. Dini menggunakan kerangka teori ginokritik Elaine Showalter. Kajian ini mengangkat kepentingan pendidikan dan kerjaya bagi wanita, di samping menganalisis persepsi tentang keperluan lelaki dalam kehidupan wanita. Walaupun Sinawati memberikan sumbangan terhadap pemahaman pemikiran pengarang wanita dalam konteks sastera serantau, analisisnya masih berlegar pada dimensi tematik dan tidak menghubungkan dapatan tersebut dengan perbincangan feminisme pascakolonial atau perbandingan antara rantau Asia Tenggara dan Afrika Barat.

Kedua-dua novel, *The Stillborn* dan *Mencari Azizah*, sama-sama mengangkat tema pendidikan dan pencarian autonomi, sorotan terhadap kajian lepas mendedahkan kekurangan kajian feminis perbandingan yang menempatkan kedua-dua teks ini dalam kerangka pascakolonial yang lebih luas. Lebih penting, terdapat jurang signifikan dalam penggunaan teori feminisme pascakolonial Chandra Talpade Mohanty, khususnya kritikkannya terhadap *universalism feminism* Barat dan konsep "Wanita sebagai Kategori Analisis". Walaupun kerangka Mohanty telah banyak diaplikasikan dalam kajian terhadap naratif wanita Asia Selatan, Afrika dan Amerika Latin (Mohanty, 2003), aplikasinya terhadap sastera Asia Tenggara, khususnya dalam perbandingan dengan karya Afrika Barat, masih kurang diterokai. Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan membandingkan *The Stillborn* dan *Mencari Azizah* melalui lensa feminisme pascakolonial Mohanty, dengan fokus terhadap bagaimana pendidikan menjadi wahana pembebasan wanita di Nigeria dan Malaysia. Analisis ini menunjukkan bahawa pendidikan dalam kedua-dua novel bukan sekadar tentang peningkatan status sosial atau ekonomi, tetapi juga tentang mencabar patriarki, memperluas ruang agensi, dan mentakrifkan semula makna menjadi wanita dalam konteks budaya masing-masing.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berfokus kepada analisis teks dalam disiplin kesusasteraan. Kaedah kualitatif dipilih kerana penelitian makna, pengalaman wanita, dan struktur kuasa patriarki dalam teks memerlukan interpretasi mendalam terhadap naratif, dialog dan simbolisme. Dua bentuk analisis digunakan dalam kajian ini, iaitu analisis kandungan dan analisis tema. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti pola representasi wanita, konteks budaya dan elemen patriarki dalam kedua-dua novel, manakala

analisis tema digunakan untuk mengkategorikan tema utama berkaitan pendidikan, gender, identiti dan pemeraksanaan wanita. Karya yang dipilih ialah *The Stillborn* (1986) oleh Zaynab Alkali dan *Mencari Azizah* (2001) karya Khadijah Hashim. Kedua-dua novel ini mengisahkan perjalanan protagonis wanita yang berhadapan dengan sistem patriarkal di Nigeria dan Malaysia. Pemilihan teks ini dibuat secara purposif berdasarkan persamaan tema pendidikan wanita, pembinaan identiti serta usaha pembebasan diri daripada kekangan budaya dan sosial dalam masyarakat pascakolonial.

Kerangan Teoretikal Feminisme Pasca Kolonial

Definisi tentang sesebuah budaya dan bangsa adalah kompleks, abstrak dan sukar untuk difahami secara global. Menurut Chris Weedon (1987:14), hukum-hukum rasional budaya Barat tidak semestinya menepati hukum-hukum budaya lain. Pemikiran feminis Barat selalunya tidak tepat tentang realiti sebenar kaum wanita di negara-negara bukan Eropah. Kerangka konseptual yang diketengahkan oleh Chandra Talpade Mohanty dalam teori Feminisme Pascakolonial berasaskan kepada kritikan terhadap hegemoni feminisme Barat (*criticism of Western hegemony*), khususnya dalam cara feminis Barat menafsirkan pengalaman wanita di negara-negara pascakolonial. Mohanty menilai semula, mengkritik dan membetulkan pandangan sarjana feminis Barat seperti Fran Hosken, Beverly Lindsay, Maria Cuterfelli, Juliette Minces dan Patricia Jeffery yang menurutnya bersifat reduktif dan menyeragamkan pengalaman wanita Dunia Ketiga. Menurut Mohanty (2003), wacana feminis Barat cenderung menyamaratakan kedudukan wanita di negara-negara pascakolonial sebagai satu kelompok subjek yang terus-menerus ditindas, didominasi, buta huruf, miskin dan terperangkap dalam sistem patriarki, tanpa mengambil kira konteks sosio-budaya, ekonomi dan politik yang berbeza. Bagi Mohanty, pemahaman yang bersifat universal ini bukan sahaja mengabaikan kompleksiti realiti tempatan, malah turut meminggirkan kemandirian wanita pascakolonial dalam menafsirkan pengalaman dan perjuangan mereka sendiri (Mohanty (2003:47);

“Third World Women” in terms of the underdevelopment, oppressive traditions, high illiteracy, rural and urban poverty, religious fanaticism and “overpopulation” of particular Asian, African, Middle Easter and Latin American.

Feminisme Barat lazimnya memberikan gambaran monolitik terhadap wanita Dunia Ketiga melalui stereotaip seper *“the veiled woman,” “the powerful mother,” “the chaste virgin”* dan *“the obedient wife”* (Mohanty, 2003). Mohanty menegaskan bahawa walaupun imej-imej ini wujud, maknanya tidak boleh diseragamkan; ia mesti difahami melalui konteks budaya dan sejarah setiap masyarakat, bukan semata-mata melalui perspektif Barat. Walaupun feminis Barat memperjuangkan hak wanita Dunia Ketiga melalui slogan *universal sisterhood*, perjuangan tersebut masih dibayangi hegemoni *“white supremacy”* yang menempatkan wanita kulit putih sebagai rujukan utama. Namun, konsep persaudaraan sejagat itu sebenarnya tidak berasaskan kesamaan biologi, sebaliknya lahir daripada pengalaman sosiologi dan antropologi yang dikongsi oleh wanita dari pelbagai budaya. Pemikir feminis dari tradisi Barat, Asia dan Afrika menegaskan bahawa keterikatan antara wanita wujud kerana pengalaman hidup yang hampir sama, khususnya dari segi penindasan struktural, budaya dan politik dan bukannya

kerana persamaan sifat semula jadi. Menurut Manyak dan Manyak (2021), analisis sastra berperan penting dalam mendedahkan struktur ideologi mendalam yang tersirat dalam sesebuah teks. Hal ini menjadi semakin signifikan dalam konteks sastra feminis kerana ketidaksamarataan gender dan penindasan wanita dalam sistem patriarki sering dijadikan tema teras yang perlu dianalisis dan dipersoalkan secara kritis.

Kerangka analisis kajian ini berasaskan teori feminisme pascakolonial Chandra Talpade Mohanty, khususnya prinsip "*Women as a Category of Analysis*" yang mengkritik kecenderungan wacana feminisme Barat menguniversalkan pengalaman wanita Dunia Ketiga. Mohanty (1984; 2003) menegaskan bahawa wanita tidak boleh dilihat sebagai kumpulan homogen kerana pengalaman mereka dibentuk oleh konteks geografi, budaya, agama, kelas dan sejarah kolonial yang berbeza. Berdasarkan prinsip tersebut, kajian ini menggunakan enam subkategori yang diperincikan oleh Mohanty sebagai lensa analisis terhadap kedua-dua teks, iaitu:

1. *Women as Victims of Male Violence* (Wanita sebagai Mangsa Keganasan Lelaki)
2. *Women as Universal Dependents* (Wanita sebagai Golongan Bergantung Sejagat):
3. *Married Women as Victims of the Local Colonial Process* (Wanita Berkahwin sebagai Mangsa Proses Kolonialisme Tempatan)
4. *Women and the Familial System* (Wanita dan Sistem Kekeluargaan)
5. *Women and Religious Ideologies* (Wanita dan Ideologi Agama)
6. *Women and the Development Process* (Wanita dan Proses Pembangunan)

Prinsip-prinsip ini membimbing pembacaan dekat (*close reading*) yang sistematik terhadap perkembangan watak, strategi naratif dan latar budaya dalam *The Stillborn* dan *Mencari Azizah*. Melalui gabungan kerangka Mohanty dengan analisis tema dan analisis kandungan, kajian ini menelusuri bagaimana pendidikan berfungsi sebagai wahana penentangan serta alat pemerikasaan wanita dalam konteks pascakolonial Nigeria dan Malaysia. Selain itu, kajian turut merujuk konsep *Feminism Without Borders* (Mohanty, 2003), yang menekankan kepelbagaian pengalaman wanita serta keperluan membangunkan solidariti feminis transnasional yang berakar pada konteks sosio-sejarah. Sumber sekunder daripada wacana feminisme pascakolonial, gender Afrika dan gender Asia Tenggara digunakan untuk menyokong tafsiran teks dan memastikan analisis yang bersifat kontekstual dan tidak bersifat *erocentric*.

Jadual 1 di bawah memperincikan setiap subkategori yang digariskan oleh Mohanty, berserta definisi dan aplikasi analitisnya dalam kajian ini sebagai kerangka untuk menilai pengalaman, identiti dan pemerikasaan wanita dalam *The Stillborn* dan *Mencari Azizah*

JADUAL 1: Prinsip “*Women as a Category of Analysis*” oleh Chandra Talpade Mohanty

Subkategori Mohanty (1984/2003)	Definisi / Fokus Analisis	Aplikasi dalam Kajian terhadap <i>The Stillborn</i> dan <i>Mencari Azizah</i>
Wanita sebagai Mangsa Keganasan Lelaki	Meneliti bentuk keganasan fizikal, verbal, emosional, dan simbolik yang mengawal tubuh dan tingkah laku wanita.	Menganalisis tekanan dan keganasan yang dialami watak wanita disebabkan oleh suami, keluarga atau masyarakat; bagaimana pendidikan membuka jalan untuk melawan keganasan tersebut.
Wanita sebagai Golongan Bergantung Sejagat	Mengkritik stereotaip bahawa wanita bergantung sepenuhnya kepada lelaki dan tidak memiliki autonomi.	Memeriksa bagaimana watak wanita dirangka sebagai pasif/bergantung, serta bagaimana pendidikan mengubah persepsi sendiri dan identiti mereka.
Wanita Berkahwin sebagai Mangsa Kolonialisme Tempatan	Menganalisis pertembungan antara adat tempatan dengan kesan kolonial yang menekan wanita, khususnya dalam perkahwinan dan tuntutan sosial.	Menilai bagaimana perkahwinan tradisional dan struktur patriarki kolonial mengekang potensi wanita, serta peranan pendidikan dalam memecahkan batasan ini.
Wanita dan Sistem Kekeluargaan	Mengkaji hierarki kuasa, peranan reproduktif, tanggungjawab domestik dan kawalan sosial dalam keluarga.	Menelusuri konflik watak-watak dengan peranan domestik dan tekanan keluarga; pendidikan sebagai laluan untuk keluar daripada kepompong domestik.
Wanita dan Ideologi Agama	Menilai bagaimana agama digunakan untuk mewajarkan peranan gender dan mengekalkan dominasi patriarki.	Mengkaji bagaimana watak berhadapan dengan tafsiran agama yang mengekang, dan bagaimana pendidikan memberi ruang untuk interpretasi baharu yang lebih membebaskan.
Wanita dan Proses Pembangunan	Meneliti hubungan antara pembangunan negara, akses pendidikan, peluang ekonomi dan kemajuan wanita.	Menunjukkan bagaimana peluang pendidikan membentuk jati diri dan mobiliti sosial wanita dalam kedua-dua novel; pendidikan sebagai wahana penentangan terhadap patriarki.

Jadual 1 ini membantu mengoperasikan prinsip Mohanty secara sistematik supaya setiap subkategori dapat diaplikasikan secara konsisten dalam pembacaan dekat terhadap kedua-dua novel. Melalui pengelasan yang jelas ini, analisis dapat mengenal pasti pengalaman watak-watak wanita dibentuk oleh struktur patriarki, adat tempatan, agama serta keadaan

sosioekonomi yang diwarisi daripada sejarah kolonial. Pendekatan ini memastikan bahawa tafsiran yang dihasilkan tidak bersifat umum atau homogen, tetapi mengambil kira konteks budaya, geografi dan sejarah Nigeria dan Malaysia. Dalam bahagian analisis seterusnya, setiap subkategori Mohanty akan digunakan sebagai lensa kritikal untuk meneliti perkembangan watak, peranan pendidikan, serta bentuk penentangan yang ditampilkan dalam *The Stillborn* dan *Mencari Azizah*.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS TEKS KAJIAN

Wanita sebagai Mangsa Keganasan Lelaki

Keganasan terhadap wanita didefinisikan sebagai sebarang bentuk tingkah laku yang menyebabkan kecederaan fizikal, seksual, atau psikologi terhadap wanita, sama ada dilakukan oleh suami, bekas suami, pasangan intim, teman lelaki, atau individu lain dalam konteks perkahwinan, hubungan tidak formal, atau tinggal bersama. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), keganasan ini merangkumi tindakan seperti menampar, memukul, menendang, memaksa hubungan seksual, serta bentuk paksaan lain termasuk kawalan pergerakan dan penganiayaan seksual. Bentuk keganasan terhadap wanita tidak hanya terhad kepada penderaan fizikal dan seksual, tetapi juga merangkumi penderaan psikologi, kewangan, dan bentuk keganasan moden seperti gangguan seksual, perkahwinan paksa, pemotongan genital wanita (FGM), serta jenayah siber. Fenomena ini memberi kesan mendalam terhadap kesihatan mental, fizikal, dan sosial wanita serta dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi gender yang serius di peringkat global (Stöckl & Sorenson, 2024).

Dalam konteks ini, watak Li dan Azizah turut berdepan dengan bentuk keganasan rumah tangga dan dominasi patriarki, walaupun tidak digambarkan secara ekstrem sehingga mengancam nyawa. Zaynab Alkali secara halus menampilkan keganasan berasaskan gender dalam budaya Hausa-Fulani melalui pengalaman Li yang sejak kecil dipinggirkan daripada pendidikan: *“Father says education is for the boys; a girl belongs in her husband’s house”* (Alkali, 1984). Ungkapan ini menzahirkan sistem patriarki bukan sahaja hadir melalui tindakan lelaki, tetapi melalui proses sosialisasi yang menentukan ruang dan masa depan wanita sebelum mereka mencapai usia dewasa. Ibu Li yang pekak dan kakaknya Awa pula menerima peranan tradisional tanpa persoalan, mencerminkan dapatan Bhasin dan Khan (1986) bahawa wanita juga berperanan mengekalkan struktur patriarki apabila mereka menyerap nilai dan norma gender yang mengekang. Dalam hal ini, Alkali bukan sekadar memaparkan penindasan gender, tetapi mendedahkan mekanisme budaya yang menjadikan patriarki kelihatan normal, selamat dan tidak tercabar.

Li berkahwin dengan Habu untuk melarikan diri daripada kawalan bapanya, namun perkahwinan itu hanya memindahkannya daripada satu bentuk patriarki kepada bentuk yang lain. Di bandar, Habu yang sudah beristeri dan berbohong tentang statusnya mengulangi pola keganasan lelaki dalam hidup Li, menunjukkan institusi perkahwinan dalam masyarakat Hausa-Fulani sering berfungsi sebagai ruang yang mengekalkan dominasi lelaki. Situasi ini membuktikan bahawa sistem patriarki beroperasi melalui rangkaian kuasa berlapis, daripada bapa kepada suami, dan bukan sekadar hubungan individu. Walau bagaimanapun, Alkali menolak gambaran Li sebagai mangsa pasif. Melalui refleksi dan pendidikan, Li memahami bahawa pembebasan dirinya tidak terletak pada lelaki tetapi pada pencarian ilmu: *“I realised my freedom lay in my books; they opened doors Habu never could.”* (Alkali, 1984). Pendidikan

menjadi medium transformatif yang memungkinkan Li menstrukturkan semula identiti, meninggalkan perkahwinan yang menindas dan membina kehidupan yang berpaksikan autonomi. Perjalanan Li mengkritik struktur patriarki yang menafikan hak pendidikan dan menormalkan keganasan domestik, sambil menegaskan bahawa identiti dan jati diri wanita dapat dibentuk melalui kesedaran sendiri dan ilmu. Kisahnya menjadi bentuk penentangan senyap terhadap sistem yang meminggirkan wanita, dan pada masa yang sama memperlihatkan potensi pendidikan sebagai alat pembebasan dalam masyarakat pascakolonial.

Dalam *Mencari Azizah*, struktur patriarki dipaparkan bukan sekadar sebagai latar sosial, tetapi sebagai mekanisme kuasa yang mengawal tubuh, suara dan pilihan hidup wanita. Watak Azizah berfungsi sebagai representasi wanita yang kehilangan ruang bersuara selepas berkahwin disebabkan jaringan kuasa keluarga suami. Larangan bekerja dan belajar yang dikenakan oleh ibu mertuanya, Datin Mariah, memperlihatkan sistem patriarki tidak hanya beroperasi melalui lelaki, tetapi turut dipanjangkan oleh wanita yang telah disosialisasikan untuk mempertahankan hierarki gender. Peranan Datin Mariah sebagai “penguat” sistem patriarki menandakan wujudnya *internalised patriarchy*, iaitu keadaan di mana wanita sendiri menjadi penjaga nilai yang mengekang wanita lain. Suaminya, Zamri pula memperlihatkan bentuk patriarki moden yang membalut dominasi dengan bahasa kasih sayang. Melalui pernyataannya bahawa Azizah hanyalah “pengurus rumah tangga yang sekali-sekala menemaninya ke majlis makan malam,” (Khadijah Hashim, 2001), menyedarkan pembaca bagaimana identiti wanita dikecilkan kepada fungsi domestik dan representasi sosial suami. Azizah tidak diberi ruang untuk menentukan masa depan intelektual, kerjaya atau bentuk kehidupannya sendiri. Situasi ini memperlihatkan penafian terhadap *individual autonomy*, selaras dengan kategori Mohanty tentang “*Women as Universal Dependents*,” di mana wanita dilihat sebagai golongan yang harus bergantung dan tunduk kepada struktur keluarga lelaki.

Krisis identiti yang dialami oleh Azizah bukan sahaja berpunca daripada larangan pendidikan, tetapi juga daripada kawalan terhadap tubuh dan penampilannya. Pengawalan ini mencerminkan bagaimana patriarki mendefinisikan nilai wanita melalui estetika dan fungsi domestik, bukan melalui kapasiti intelektual atau aspirasi peribadi. Dalam konteks feminisme pascakolonial, hal ini memperlihatkan bagaimana wanita Melayu dalam naratif ini berhadapan dengan bentuk penaklukan ganda iaitu penaklukan gender serta penaklukan budaya yang memaksa mereka mematuhi ideal wanita “baik, cantik dan patuh.” Konflik memuncak apabila Zamri berpoligami tanpa persetujuan atau pengetahuan Azizah. Tindakan ini menegaskan kedudukan subordinat isteri dalam struktur keluarga patriarkal, walaupun poligami sah menurut syariah. Ketika Azizah meluahkan, “Entahlah, hatiku hancur lebur... Berita ini diketahui daripada mulut orang lain, bukan dari Zamri sendiri,” kesakitan yang digambarkan bukan sekadar emosional, tetapi merupakan manifestasi penafian hak untuk terlibat dalam keputusan penting yang menyentuh kehidupannya. Dari perspektif Mohanty, situasi ini mencerminkan kategori “*Women and the Familial System*,” di mana hierarki keluarga mengekang keupayaan wanita untuk berunding, bersuara dan menentukan arah kehidupan mereka. Secara keseluruhan, Azizah digambarkan sebagai subjek yang terperangkap dalam jaringan patriarki domestik yang mengawal ruang fizikal, emosional dan intelektualnya. Melalui watak ini, Khadijah Hashim bukan hanya memaparkan realiti sosial, tetapi mengkritik struktur kuasa yang memarginalkan wanita dalam masyarakat Melayu moden.

Bentuk kesenyapan paksa yang dialami Azizah sejajar dengan konsep *epistemic violence* oleh Spivak (1988), iaitu keadaan di mana suara wanita dinafikan sehingga mereka tidak berupaya mentafsir atau menentukan kehidupan sendiri. Situasi ini turut mengilustrasikan

kritikan Mohanty (2003) terhadap stereotaip budaya yang menampilkan wanita Dunia Ketiga sebagai patuh dan bergantung. Walaupun Malaysia sering dianggap lebih progresif berbanding beberapa negara Muslim lain (Manaf, 2015), Khadijah Hashim menolak generalisasi tersebut dengan menonjolkan bentuk penindasan yang berlaku dalam struktur keluarga dan perkahwinan. Pengabaian dan kawalan yang dikenakan ke atas Azizah akhirnya mencetuskan proses introspektif yang menandakan penolakan terhadap kedudukan subordinat yang telah lama dipaksakan ke atasnya. Proses ini selaras dengan feminisme pascakolonial yang melihat transformasi wanita bukan sekadar reaksi emosi, tetapi sebagai kesedaran kritikal terhadap nilai diri.

Judul *Mencari Azizah* sendiri menandakan pencarian identiti, manakala pernyataannya, “Kini, aku adalah Azizah baru. Azizah dengan harapan dan visi baru” (Khadijah Hashim, 2001), menegaskan kelahiran semula subjektiviti wanita yang selama ini dipinggirkan. Keputusan pengarang untuk menghantar Azizah melanjutkan pelajaran ke Iowa membawa makna simbolik yang melampaui mobiliti geografi. Dalam kerangka Mohanty, tindakan ini menolak kategori “*Women as Universal Dependents*,” dengan membuktikan bahawa wanita boleh membina dan menstrukturkan kehidupan berdasarkan pilihan sendiri. Pendidikan menjadi medium pembentukan jati diri dan sumber kemajuan yang membolehkan Azizah melepaskan diri daripada jaringan patriarki yang mengekangnya. Pengakhiran novel memperlihatkan bagaimana Khadijah Hashim menempatkan wanita Melayu sebagai subjek aktif yang mampu membentuk ruang hidupnya sendiri. Pengarang secara sengaja menolak stereotaip feminis Barat yang sering menggambarkan wanita Asia sebagai pasif dan tunduk; sebaliknya, Azizah ditampilkan sebagai wanita yang mentafsir semula kedudukannya dalam masyarakat. Kebangkitannya tidak berlaku melalui penolakan institusi keluarga, tetapi melalui pengukuhan autonomi diri dan penegasan hak pendidikan. Transformasi ini selaras dengan prinsip feminisme pascakolonial yang menegaskan bahawa pembebasan wanita tidak harus mengikut acuan universal feminisme Barat, sebaliknya mesti berakar pada konteks budaya dan realiti sosial tempatan. Dalam kerangka tersebut, keputusan Azizah untuk mengutamakan pendidikan berfungsi sebagai *counter-discourse* terhadap patriarki Melayu yang sering mengehadkan aspirasi akademik wanita. Melalui proses pendidikan, Azizah memperoleh kapasiti untuk merunding identiti baharu yang tidak lagi terikat kepada struktur hegemoni keluarga suami.

Alkali dan Khadijah menolak imej stereotaip mengenai wanita Hausa dan Melayu dengan menghadirkan watak yang berdepan keganasan psikologi dan emosi yang tajam di bawah sistem patriarki. Dalam kedua-dua novel, Li dan Azizah dimanipulasi, dikawal dan dikhianati oleh lelaki yang memegang kuasa dalam institusi keluarga. Penindasan ini tidak semestinya bersifat fizikal tetapi beroperasi melalui bahasa merendahkan, keputusan muktamad dan kawalan terhadap pilihan hidup, sehingga menggugat keyakinan diri mereka. Bentuk keganasan halus ini mencerminkan pandangan Spivak (1988), iaitu sebagai *structural silencing*, mekanisme yang menyenyapkan suara wanita melalui norma budaya dan autoriti lelaki. Li dan Azizah menjadi representasi naratif yang memperlihatkan kesungguhan wanita untuk membebaskan diri daripada struktur kuasa yang mengawal ruang sosial, ekonomi dan psikologi mereka. Kedua-dua pengarang menekankan bahawa pemerikasaan bermula daripada kesedaran untuk mencintai diri, menilai semula nilai diri dan menolak kedudukan subordinat yang dipaksakan oleh tradisi patriarki. Meskipun berlatarbelakangkan konteks budaya dan dekad yang berbeza (1980-an dan 1990-an), pengalaman Li dan Azizah memperlihatkan persamaan fundamental dalam kehidupan wanita Nigeria dan Malaysia dengan memaparkan

kedua-dua watak ini hidup dalam masyarakat yang mempertahankan struktur kekeluargaan patriarki sebagai norma sosial. Namun, pengorbanan dan perjuangan wanita generasi ini menjadi asas kepada kemajuan yang dinikmati wanita hari ini, khususnya dalam era Revolusi Industri Keempat yang menuntut kesaksamaan akses kepada pendidikan, teknologi dan peluang ekonomi.

Selaras dengan kerangka feminisme pascakolonial ini, Alkali dan Khadijah menampilkan pendidikan sebagai wahana paling berpengaruh dalam membentuk kesedaran diri, autonomi dan keberanian wanita untuk menentang struktur patriarki. Dalam *The Stillborn*, Li menuntut haknya untuk mendapatkan pendidikan formal walaupun ditolak keluarganya, manakala dalam *Mencari Azizah*, Azizah memilih melanjutkan pengajian pascasiswazah setelah melalui penceraian yang menggoncang hidupnya. Kedua-dua watak membuktikan bahawa pendidikan bukan hanya laluan ke arah kerjaya dan mobiliti ekonomi, tetapi merupakan alat kritikal untuk meruntuhkan hierarki patriarki. Li menegaskan haknya menentukan masa depan sendiri, manakala Azizah berdepan diskriminasi intelektual apabila suami dan ibu mentuanya merendahkan peranan pendidikannya. Namun, penceraian tidak melemahkannya, sebaliknya menjadi pencetus untuk membina jati diri yang lebih bebas. Walaupun berbeza budaya dan sejarah, kisah Li dan Azizah memperlihatkan perjuangan wanita yang konsisten dalam menolak tekanan keluarga patriarki. Kedua-dua novel menolak tanggapan bahawa wanita bersifat inferior; sebaliknya, mereka menegaskan bahawa pendidikan adalah medium paling signifikan bagi wanita untuk melawan kemiskinan, kejahilan, keganasan rumah tangga dan bias gender. Dengan itu, Alkali dan Khadijah menegaskan satu gagasan universal: pendidikan membentuk identiti, kesedaran sendiri dan menjadi senjata paling berkesan dalam menentang diskriminasi berakar patriarki.

Wanita dan Sistem Kekeluargaan

Pemahaman tentang kedudukan dan peranan wanita dalam sistem kekeluargaan berbeza antara perspektif Barat, Malaysia dan Nigeria. Di Malaysia dan Nigeria, sistem kekeluargaan secara umumnya diketuai oleh lelaki dan menjadi sebahagian daripada struktur sosial yang membentuk organisasi masyarakat di kedua-dua negara ini (Emecheta, 2007; Siti Mazidah, 2018). Namun, dalam struktur ini wujud kepelbagaian amalan, kepercayaan dan norma budaya yang diamalkan serta ditaati oleh masyarakat tempatan, menjadikan pengalaman wanita tidak seragam dan dipengaruhi oleh konteks budaya serta sejarah setempat (Mohanty, 2003). Pengalaman Azizah dalam *Mencari Azizah* dan Li dalam *The Stillborn* menggambarkan kerumitan interaksi antara gender, tradisi dan pendidikan dalam sistem kekeluargaan yang dibentuk oleh amalan patriarkal. Kedua-dua watak ini menunjukkan kekuatan dan keterampilan diri melalui pendidikan dan refleksi peribadi dalam keluarga dan komuniti yang dipengaruhi oleh tuntutan sosial dan budaya yang kuat (Omoyibo, Egharevba & Iyanda, 2010; Odey & Alao, 2020).

Dalam *Mencari Azizah*, Khadijah Hashim membentuk watak Azizah sebagai wanita Melayu yang dibesarkan dalam persekitaran kampung di Taman Negara, Pahang. Meskipun ayahnya warga Amerika, identiti Azizah tetap berakar pada budaya Melayu, menjadikannya cerminan wanita yang diasuh dengan norma jantina tradisional. Cintanya terhadap Zamri ketika di universiti mendorongnya meninggalkan cita-cita akademik dan menjadi suri rumah sepenuh masa, satu keputusan yang kemudian disesalinya apabila menyedari masa depannya dibentuk sepenuhnya oleh suami. Kesedaran ini tergambar jelas dalam luahannya: “Kalaulah aku

teruskan pengajian, mungkin hari ini aku adalah Dr. Azizah...” (Hashim, 2001), yang menandakan bahawa pendidikan, bagi Azizah, bukan sekadar pencapaian akademik tetapi simbol kebebasan dan kuasa menentukan nasib sendiri. Konflik batin ini menonjolkan pertentangan antara tuntutan tradisional keluarga Melayu dan aspirasi peribadi. Dalam rumah tangga, Azizah dikekang oleh tugas domestik dan tekanan untuk tampil menarik, selaras dengan pandangan Althusser (1971), bahawa institusi keluarga berfungsi sebagai sistem ideologi yang membentuk dan mengekalkan peranan gender.

Walaupun setara dari segi kelayakan akademik, Azizah diketepikan daripada keputusan penting di Kencana Holdings: “Seolah-olah aku hanya isteri, bukan rakan kongsi.” (Hashim, 2001). Peminggiran ini menguatkan pandangan Mohanty (2003) bahawa pendidikan tidak bermakna jika wanita tidak diiktiraf sebagai subjek berpengetahuan dan pemegang wacana. Kesenyapan Azizah, baik dalam ruang domestik mahupun ruang korporat memperlihatkan sistem patriarki beroperasi melalui penafian suara dan autoriti wanita. Walaupun hidupnya kelihatan selesa, Azizah mengalami kekosongan makna diri kerana kedudukannya ditentukan oleh estetika, kepatuhan dan peranan isteri, bukan oleh intelektualiti atau identiti peribadinya. Gambaran ini menonjolkan kritikan Khadijah terhadap budaya yang mengutamakan ketaatan dan penampilan, sambil mengabaikan kemampuan wanita untuk menyumbang secara intelektual dan profesional.

Manakala pengarang novel *The Still Born*, pengarang menegaskan bahawa Li bukan watak feminis yang dicipta untuk menentang lelaki (dicatat Ismail, 2006), “*Li is not a feminist, and that as far as I am concerned, I wasn’t creating a feminist character.*” Namun Alkali menolak gambaran Li sebagai mangsa pasif yang meletakkan semua yang berlalu dalam hidup sebagai takdir. Li ditampilkan sebagai wanita yang berkeyakinan, berani bersuara dan mampu menentukan hala tuju hidupnya tanpa bergantung pada suami, selaras dengan pandangan Koreye (1989) bahawa “*she can achieve great things without using her husband as a crutch.*” Teknik mimpi yang digunakan Alkali berfungsi sebagai alat naratif untuk memulihkan kestabilan psikologi Li, sekaligus menandakan usaha rekonstruksi diri sebelum proses perdamaian. Dia bermimpi bahawa cucunya menyoal tentang datuknya dan mengapa ibunya Shuwa hidup tanpa ayah. Alkali dengan ini menunjukkan bahawa kasih sayang seorang ayah diperlukan untuk mengimbangi kasih sayang kepada anak-anaknya.

Alkali memasukkan unsur mimpi untuk memperkukuhkan keputusan Li untuk kembali menerima suaminya dan mengukuhkan institusi keluarganya. Dalam kerangka Spivak (1988), tindakan Li kembali kepada Habu dapat dibaca sebagai bentuk *strategic essentialism*, yakni penerimaan selektif terhadap institusi keluarga untuk memperkukuh autonomi, bukan sebagai bentuk kepatuhan. Keputusan ini memperlihatkan pemeraksanaan berasaskan budaya, bukannya pembebasan mengikut acuan feminisme Barat. Keputusan Li ini selaras dengan pandangan Mohanty (2003), bahawa identiti dan jati diri wanita pascakolonial harus difahami dalam konteks budaya mereka. Petikan “*I will just hand him the crutches and side by side we will learn to walk*” (Alkali, 1989) menggambarkan hubungan baharu yang lebih setara, diasaskan pada pengalaman, kematangan dan pendidikan. Melalui transformasi ini, Li mentakrifkan semula makna perkahwinan dalam tradisi Hausa secara lebih autonomi dan reflektif.

Keengganan Li untuk kembali kepada Habu pada peringkat awal bukan berpunca daripada penolakan terhadap institusi kekeluargaan atau adat Hausa, tetapi daripada keinginannya membuktikan kemampuan diri tanpa bergantung kepada mana-mana lelaki. Keputusan ini melambangkan aspirasi wanita muda Hausa untuk meraih mobiliti sosial melalui pendidikan, satu fenomena yang turut diperhatikan oleh sarjana seperti Nfah-Abbenyi (1997)

yang menekankan bahawa pendidikan di Nigeria menjadi saluran utama wanita keluar daripada belenggu kebergantungan ekonomi dan sosial. Namun, setelah mencapai kejayaan akademik dan kerjaya, Li memilih untuk kembali kepada Habu iaitu satu keputusan yang rumit dan sering disalahertikan sebagai anti-feminis jika dilihat melalui kaca mata feminisme Barat. Dalam konteks sastera Afrika, tindakan Li sebenarnya mencerminkan *black feminism* atau *womanism*, iaitu bentuk feminisme yang menekankan keharmonian keluarga, keterikatan komuniti, dan kerjasama gender berbanding penolakan mutlak terhadap lelaki (Emecheta, 2007; Walker, 1984).

Dalam tradisi ini, kekuatan wanita tidak diukur melalui penolakan institusi perkahwinan, tetapi melalui kemampuan mereka berunding, berdamai dan memilih laluan hidup berdasarkan nilai budaya sendiri. Kemarahan Li terhadap Habu lebih merupakan reaksi terhadap pengkhianatan peribadi berbanding penolakan menyeluruh terhadap sistem patriarki. Ketika Li berkata bahawa hidupnya lebih bermakna setelah berjaya secara akademik, tetapi dia tetap merindukan keharmonian rumah tangga, menunjukkan Li mampu meraih kemerdekaan diri sambil menghargai nilai budaya yang menempatkan keluarga sebagai asas kesejahteraan sosial. Sarjana seperti Mohanty (2003) dan Amadiume (1997) menegaskan bahawa pembebasan wanita di negara-negara pascakolonial tidak harus dianalisis melalui model universal feminisme Barat, kerana kerangka budaya, sejarah dan spiritual masyarakat Afrika membawa nilai yang berbeza tentang agensi dan kebebasan.

Dalam kedua-dua novel ini, lelaki digambarkan sebagai pemegang kuasa dominan dalam keluarga dan komuniti, manakala wanita sering ditempatkan pada kedudukan subordinat serta berdepan kritikan sinis yang menjejaskan keyakinan diri. Namun, Li dan Azizah ditampilkan sebagai wanita yang matang, tabah dan berupaya mencari mekanisme untuk berhadapan dengan tekanan keluarga, budaya dan agama. Hal ini selaras dengan pandangan Mohanty (2003), bahawa wanita dalam sistem patriarkal berhadapan dengan pelbagai lapisan penindasan yang sering tidak diberi perhatian dalam wacana arus perdana. Walaupun ditinggalkan suami dan memikul tanggungjawab sebagai ibu tunggal, kedua-dua watak tidak digambarkan sebagai mangsa yang hancur oleh emosi. Sebaliknya, Alkali dan Khadijah menonjolkan kekuatan mereka melalui pendidikan tinggi dan sifat peribadi seperti ketegasan, keberanian, keinginan bertanya serta kemampuan berfikir secara rasional. Pendidikan menjadi teras pembinaan identiti baharu mereka, bukan sekadar penambahbaikan status sosial. Li memperoleh kestabilan ekonomi melalui kerjayanya sebagai guru, manakala pengajian tinggi membolehkan Azizah membina keyakinan diri, meneruskan hidup sebagai ibu tunggal, dan berdamai dengan sejarah keluarganya setelah bertemu kembali ayah kandungnya di Amerika Syarikat.

Dalam *The Stillborn*, Alkali menyingkap perubahan kuasa dalam institusi keluarga apabila Li dilantik sebagai “*the man of the house*” (Alkali, 1988) selepas kematian ayahnya. Peralihan ini menandakan subversi terhadap norma patriarki Hausa yang lazimnya memperuntukkan kepimpinan keluarga kepada lelaki. Li bukan sahaja memikul tanggungjawab keluarga, tetapi turut membuktikan bahawa pendidikan memberinya kewibawaan moral dan sosial untuk membuat keputusan penting dalam rumah tangga. Kisah Li dan Azizah memperlihatkan perjuangan kompleks antara kesetiaan terhadap budaya dan pencarian kebebasan diri. Pendidikan berfungsi sebagai alat kuasa untuk memecahkan kesenyapan yang dibentuk oleh patriarki serta membuka ruang bagi wanita mentakrifkan hak dan masa depan mereka. Keberanian kedua-dua watak ini menolak batasan tradisi menandakan wujudnya potensi perubahan dalam masyarakat pascakolonial, bahawa wanita bukan sahaja

mampu bertahan, tetapi mampu memimpin, menentukan hala tuju hidup dan menstrukturkan semula hubungan kuasa dalam keluarga dan masyarakat.

Secara kolektif, Azizah dan Li mengambil strategi berbeza untuk menentang, mengadaptasi dan berdamai dengan sistem patriarkal setempat. Azizah menolak peranan domestik sepenuhnya untuk membina identiti baharu melalui pendidikan, manakala Li memilih rundingan bersama budaya setempat dengan mengekalkan keharmonian keluarga tanpa mengorbankan hak dirinya. Kisah mereka meruntuhkan dikotomi mudah antara penindasan dan pembebasan dengan menampilkan pendidikan sebagai kuasa transformasi, walaupun bukan bersifat pembebasan universal. Analisis ini menegaskan bentuk feminisme rundingan (*negotiated feminism*), iaitu pendekatan yang mempertimbangkan realiti sosial, kekhususan budaya dan kerumitan emosi wanita dalam satu institusi keluarga. Perbandingan ini menonjolkan bahawa walaupun Li dan Azizah berhadapan dengan bentuk diskriminasi yang berbeza dalam institusi kekeluargaan, kedua-duanya terperangkap dalam struktur patriarki yang sama, di mana sistem keluarga dan perkahwinan sering menjadi ruang yang memperkuat dominasi lelaki dan mengekang hak dan kebebasan wanita. Justeru, pengalaman mereka menunjukkan bahawa pembebasan dan autonomi wanita hanya dapat dicapai melalui pendidikan dan kesedaran sendiri, yang menjadi kunci penting dalam membebaskan diri daripada penindasan sistematik yang diwarisi dari sistem kekeluargaan sehingga pentadbiran negara. Kedua-dua novel ini memaparkan bahawa walaupun hegemoni patriarki terus berakar dalam institusi keluarga dan pendidikan membuka ruang untuk wanita memperoleh kebebasan bertindak dan menolak norma dominan serta mencipta wacana alternatif tentang makna kebebasan dan harga diri mereka. Pendekatan ini bukan sahaja menegaskan pentingnya perspektif setempat seperti yang digariskan Mohanty (2003), tetapi juga memperkaya wacana feminisme pascakolonial melalui pengalaman wanita dari negara-negara Dunia Ketiga yang berbeza konteks sejarah, budaya dan sosialnya.

KESIMPULAN

Analisis Prinsip Wanita Sebagai Kategori Analisis terhadap watak-watak wanita ini menunjukkan bahawa Zaynab Alkali dan Khadijah Hashim masih tidak sepenuhnya merobohkan segala penerapan imej wanita ideal dalam sistem patriarkal, namun mereka telah memperkasakan watak-watak ini dengan pendidikan, kerjaya, potensi dan harga diri sebagai bekalan mendepani dunia tanda direndahtarafkan oleh sistem politik, sosial dan ekonomi yang masih bernaung di bawah kuasa lelaki sebagai manusia yang superior. Setiap pemikiran, falsafah, agenda dan propaganda harus melalui proses penyaringan sebelum diterima oleh masyarakat dari budaya yang berlainan. Khadijah Hashim dan Zaynab Alkali tidak secara radikal menentang dan menuntut hak mereka sepertimana di Barat. Sehingga kini wanita Malaysia dan Nigeria masih menghormati dan menurut tuntutan budaya, agama, adat dan sistem sosial. Mereka tidak melihat lelaki sebagai musuh tetapi meminta hak dan maruah mereka tidak diabaikan. Perubahan dalam kalangan wanita Malaysia dan Nigeria tidak mendadak, mereka masih mengalami transformasi yang berperingkat mengikut latar belakang keluarga, budaya, agama, kaum, bahasa dan juga tempat kelahiran.

Zaynab Alkali dan Khadijah Hassim, memiliki kefahaman mendalam tentang pengalaman hidup yang dilalui oleh kaum wanita di Malaysia dan Nigeria. Mereka menampilkan watak-watak wanita yang menghormati budaya, adat dan agama setempat dan pada masa yang sama memiliki jati diri, keperkasaan, emansipasi dan semangat untuk

memajukan diri selari dengan arus pemodenan dunia. Kajian menunjukkan watak-watak wanita dalam novel-novel ini bangkit dan memperoleh keyakinan diri melalui pendidikan. Dalam usaha mencari identiti diri dan membentuk keperkasaan dalam sistem patriarkal, watak wanita ini terpaksa bertolak-ansur kerana begitu kukuh dan utuh sistem patriarkal yang masih tidak dapat diperhalusi kuasa autoriti kaum lelaki. Namun watak wanita yang dipersembahkan oleh Zaynab Alkali dan Khadijah Hashim telah mula merobohkan tembok pemisah dunia luar dengan rumah tangga. Perubahan ini juga disokong dengan senario politik di Nigeria dan Malaysia yang tidak mendiskriminasikan peluang pendidikan asas mahupun pengajian tinggi antara lelaki dan wanita. Tidak kira sejauh mana dunia tanpa sempadan telah ditawarkan tetapi setiap strata masyarakat dunia memiliki konteks budaya dan fahaman masyarakat setempat yang kadang-kadang bertentangan dengan budaya masyarakat di luarnya. Kajian ini telah membawa kesedaran terhadap pentingnya pendidikan kepada kaum wanita.

Kesusasteraan merupakan cerminan kehidupan sesebuah masyarakat yang dilakarkan melalui pengalaman manusia untuk memberi refleksi sebenar realiti dalam kalangan masyarakat. Perbincangan latar belakang budaya dan kedudukan lelaki dan wanita dalam satu lokasi, budaya, adat dan agama di Malaysia dan Nigeria membantu dalam proses analisis novel-novel ini. Watak-watak Azizah dan Li mempunyai pemikiran yang matang dan bangun bersuara menuntut hak dan kebebasan daripada kuasa dominan yang ditunjangi oleh kaum lelaki. Manakala Alkali dan Khadijah pula mempersembahkan kegigihan watak-watak wanita ini memperbaiki kedudukan mereka dari ditindas, didominasi, ditinggalkan, dipulaukan serta mengiktiraf sumbangan dan kudrat yang telah disumbangkan oleh wanita. Selain itu, watak-watak wanita ini diberi peluang untuk menjadi wanita berilmu, berjaya, perkasa, mempunyai kesedaran tentang identiti diri dan dimartabatkan dicitrakan sebagai watak penting dalam kumpulan kesusasteraan Feminisme Pasca Kolonial. Kebangkitan watak Azizah dan Li dalam karya sastera ini menunjukkan keterampilan Khadijah dan Alkali berjuang memperbaiki, memperbetulkan dan mendefinisikan semula konteks dan pemahaman identiti wanita mengikut kayu ukur setempat dan bukannya mengikut andaian sarjana Barat.

Keseluruhannya, dapatan ini menyokong kritikan Mohanty terhadap feminisme universal dengan menunjukkan bahawa wanita dalam masyarakat pascakolonial menggunakan pendidikan mengikut konteks budaya masing-masing. Penentangan dan pemerkasaan mereka lahir dari dalam, dibentuk oleh realiti unik kehidupan mereka. Kajian ini merumuskan bahawa *The Stillborn* dan *Mencari Azizah* memberikan sumbangan kritikal kepada wacana feminisme pascakolonial dengan menggambarkan bagaimana pendidikan berfungsi bukan sekadar sebagai alat kemajuan individu, tetapi juga sebagai medium rundingan budaya dan penentangan dalam masyarakat pascakolonial yang berasaskan patriarki. Melalui kerangka teori Mohanty (2003), analisis ini menegaskan bahawa pemerkasaan wanita dalam konteks pascakolonial harus difahami berdasarkan peranan kompleks yang mereka galas dalam keluarga, komuniti dan sejarah nasional. Kedua-dua novel ini menolak gambaran homogen tentang wanita sebagai golongan yang tertindas secara universal. Sebaliknya, mereka menampilkan protagonis yang berinteraksi dengan struktur kuasa melalui strategi khusus konteks, bukan dengan menolak peranan tradisional sepenuhnya tetapi mentafsirkan semula.

Selain itu, kesusasteraan muncul sebagai medan kritikal untuk menyoal dan mencabar kerelevanan sistem patriarkal dalaman serta generalisasi feminisme Barat. Dengan menumpukan pada pengalaman hidup wanita sebenar, Alkali dan Khadijah mengetengahkan satu visi feminisme berteraskan pemikiran *decolonialism*. Karya mereka tidak menyerupai model feminisme Barat, sebaliknya menunjukkan bagaimana pendidikan boleh menjadi alat

yang berpengaruh dan berakar budaya untuk mencapai keadilan, ekspresi diri dan kesaksamaan gender. Kedua-dua novel ini mencadangkan bahawa bagi wanita dalam masyarakat pascakolonial, pembebasan tidak semestinya datang daripada penolakan terus terhadap tradisi, tetapi melalui penglibatan yang bijaksana dan kritikal dengannya. Pendekatan feminisme seperti ini lebih bermakna dan relevan untuk negara-negara pascakolonial. Perjalanan watak-watak ini dibentuk oleh persilangan faktor budaya, etnik, agama, bahasa dan kelas sosial dalam konteks tempatan masing-masing. Dengan merujuk kepada konsep “feminisme tanpa sempadan” oleh Chandra Talpade Mohanty, kajian ini mencabar keterbatasan universal feminisme Barat dan menonjolkan kepentingan analisis feminis yang berakar pada budaya setempat.

RUJUKAN

- Alkali, Z. 1988. *The Stillborn*. Longman.
- Althusser, L. 1971. *Lenin and philosophy and other essays* (B. Brewster, Trans.). Monthly Review Press.
- Amadiume, I. 1987. *Male daughter, female husband: Gender and sex in an African society*. Zed Books.
- Amase, E. L., Tsavmbu, A. A., & Kaan, A. T. 2014. Is Zaynab Alkali merely a feminist writer? An appraisal of *The Stillborn* and *The Virtuous Woman*. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 3(3), 188–194. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.3n.3p.188>
- Bhasin, K., & Khan, N. S. 1986. *Some questions on feminism and its relevance in South Asia*. Kali for Women.
- Chimezie, O. J. 2025. Women, youths, education and technology as critical factors in achieving AU's 2063 Agenda: A case study of Nigeria's women, youths, education, and technological advancement and adoption. *African Journal of Information Science, Fine Arts and Speech Studies*, 2(1). https://hdl.handle.net/10520/ejc-aa_ajisfass_v2_n1_a6
- Chiroma, A. A. 2025. Analysis of colonial education policies in Nigeria. *Unizik Journal of Educational Research, Science and Vocational Studies*, 2(1), 20–28. <https://unilaws.org/ujervs>
- Datta, S. S., & Mukherjee, K. 2021. Women education in colonial Bengal: Retrospection. *BSSS Journal of Social Work*, 13(1), 1–6. <https://doi.org/10.51767/jsw1301>
- Emecheta, B. 2007. Feminism with a small “F”! In T. Olaniyan & A. Quayson (Eds.), *African literature: An anthology of criticism and theory*. Blackwell Publishing.
- Ismail, S. M. 2006. The representation of Hausa women in Zaynab Alkali's novels. *Journal of African Literature*, 14(2), 112–127.
- Jayawardena, P., Somiah, V., Phuttivanich, K., & Bonofer, A. 2023. Contemporary readings of colonial borders of the Indo-Pacific. *The Indo-Pacific Review*, 2(2), 79–150.
- Jegede, O., & Jegede, F. O. 2024. A deconstructionist reading of Zaynab Alkali's *The Stillborn*. In M. Sotunsa, A. S. Kalejaiye, & P. A. Nyamekye (Eds.), *Gender and leadership in Nigeria and Ghana* (pp. 51–64). Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-3-031-38514-8_4
- Khadijah Hashim. 2001. *Mencari Azizah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koussouhon, L., & Agbachi, F. 2016. Ambivalent gender identities in contemporary African literature: A Butlerian perspective. *Journal for the Study of English Linguistics*, 4(1), 81–97.

- Manaf, F. A. 2015. Debunking the myth of submissive women in Asia: Strong women in post-independence Malaysian literatures. *Journal of English Studies and Comparative Literature*, 14(1), 1–15.
- Manyak, P. C., & Manyak, A. M. 2021. Literary analysis and writing: An integrated instructional routine. *The Reading Teacher*, 74(4), 395–405.
- Masrizayu, M. 2006. *Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim* (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia.
- Mbutakto, N., & Tikikus, J. 2023. Education as a tool for women empowerment in Zaynab Alkali and Abubakar Gimba's selected novels. *International Journal of English Language, Education and Literature Studies (IJEEL)*, 2(3), 1–9. <https://doi.org/10.22161/ijeel.2.3.1>
- MCMC. 2021. *Internet Users Survey 2021*. Malaysian Communications and Multimedia Commission. <https://www.mcmc.gov.my>
- Mohanty, C. T. 1991. Under Western eyes: Feminist scholarship and colonial discourse. In C. T. Mohanty, A. Russo, & L. Torres (Eds.), *Third world women and the politics of feminism* (pp. 51–80). Indiana University Press.
- Mohanty, C. T. 2003. *Feminism without borders: Decolonizing theory, practicing solidarity*. Duke University Press.
- Nfah-Abbenyi, J. M. 1997. *Gender in African women's writing: Identity, sexuality, and difference*. Indiana University Press.
- Omoyibo, K. U., Egharevba, E. M., & Iyanda, O. E. 2010. The position and empowerment of women in rural Nigeria: The gender implication. *Gender and Behaviour*, 8(2). <https://hdl.handle.net/10520/EJC34632>
- Olaniyan, T., & Quayson, A. (Eds.). 2007. *African literature: An anthology of criticism and theory*. Blackwell.
- Philip, D. M. 2020. Sexism and patriarchal power struggle in Zaynab Alkali's *The Stillborn* and Fatima Ba'aram Alkali's *Personal Angle*. *Journal of English Studies*, 5(2), 1–15.
- Rylance, R., & Keynes, M. 1987. *Debating text: A reader in twentieth-century literary theory and method*. Open University Press.
- Sinawati, Z. 2023. *Pemikiran Khadijah Hashim dan N. H. Dini dalam novel-novel terpilih* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Sains Malaysia.
- Siti Mazidah Haji Mohamad. 2018. Everyday lived Islam: Malaysian Muslim women's performance of religiosity online. *Journal for Islamic Studies*, 37(1), 124–150. <https://journals.co.za/doi/epdf/10.10520/EJC-18444c9461>
- Spivak, G. C. 1988. Can the subaltern speak? In C. Nelson & L. Grossberg (Eds.), *Marxism and the interpretation of culture* (pp. 271–313). University of Illinois Press.
- Stöckl, H., & Sorenson, S. B. 2024. Violence against women as a global public health issue. *Annual Review of Public Health*, 45, 277–294. <https://doi.org/10.1146/annurev-publhealth-060722-025138>
- UNESCO. 2022. *Global education monitoring report 2022: Gender report – Deepening the debate on gender equality in education*. UNESCO Publishing. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000381338>
- Walker, A. 1984. *In search of our mother's garden: Womanist prose*. The Women's Press.
- Weedon, C. 1987. *Feminist practice and poststructuralist theory*. Blackwell.
- World Bank. 2021. *Digital skills: A framework for youth empowerment in the digital economy*. World Bank Publications.

Biodata Penulis:

Nagesvari Paramasivan merupakan pensyarah kesusasteraan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau meliputi teori dan kritikan kesusasteraan, Kesusasteraan Bandingan, kesusasteraan Asia dan Afrika moden serta kajian gender berasaskan feminisme pascakolonial. Penyelidikan beliau menumpukan pada representasi wanita, trauma dan suara subaltern dalam teks moden. Beliau aktif menerbitkan artikel ilmiah dan membentang kertas kerja di persidangan dalam dan luar negara.